

Anugerah iktiraf bakti Shakir sebar silat tanpa batasan

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

SILAT memperkasa diri bahkan membuka ruang bagi kapten pasukan silat nasional, Muhammad Shakir Juanda, menyumbang kepada masyarakat.

Jika sebelum ini beliau merupakan remaja pemalu, kurang keyakinan diri bahkan pernah dibuli di sekolah kerana berat badannya, kini beliau kerap tampil sebagai penghias poster motivasi sukan dan teladan buat belia.

Di atas komitmen dan bakti setianya melatih dan menggarap kemahiran bersilat dalam kalangan kanak-kanak dan belia kurang berkemampuan, kurang cerdas mahupun istimewa, Muhammad Shakir, 27 tahun, disampaikan Anugerah Belia Singapura, semalam.

Beliau menerima pengiktirafan tertinggi bagi pencapaian belia itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean di Dewan Konsert Victoria.

Anugerah pemberian Majlis Belia Kebangsaan (NYC) itu juga disampaikan kepada peguam Encik Josephus Tan; karyawan filem dan seniman berbilang media, Encik Brian Gothong Tan; pemuzik Encik Yang Ji Wei dan jurutera kimia serta aktivis kemasyarakatan, Dr Chew Jia Wei.

Gerakan mesra alam Mahasiswa Universiti Nasional Singapura Menentang Pencemaran Bumi (NUS Save) turut menerima anugerah yang serupa dalam kategori berkumpulan.

Berkongsi kejayaannya bersama *Berita Harian*, Muhammad Shakir yang pernah dinobatkan sebagai juara dunia dalam Kejuaraan Pencak Silat Sedunia 2012 di Chiang Rai, Thailand berkata:

“Memenangi Anugerah Belia Singapura amat berharga buat saya kerana ia me-

ngenangkan saya tentang perjalanan panjang saya dalam sukan yang sebelum ini tidak diminati.

“Bayangkan bagaimana ia mencorak keperibadian saya agar menjadi lebih yakin dan berdisiplin. Saya dahulu penyeogan dan payah ketengahankan diri di khlayak ramai.

“Nak berbual pun gementar tetapi saya kini bukan sahaja mewakili negara ke acara sukan serantau dan sedunia teta-

pi berpeluang memperkasa remaja istimewa dengan kemahiran bersilat.

“Dengan Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Spex) yang saya perolehi, saya juga dapat fokus pada kerjaya silat secara sepenuh masa dan meluangkan masa memberi motivasi kepada pelajar di sekolah-sekolah. Remaja perlu didorong agar mengejar impian mereka walau sesukar mana pun.”

Muhammad Shakir yang memimpin pasukan silat nasional sejak 2009 aktif selaku sukarelawan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persatuan Grasio yang melatih


anak-anak kurang bernasib baik dan istimewa.

Ditanya mengenai sambutan Lebaran yang bakal menjelang, beliau yang beristerikan Cik Nur Shafiqah Ghazali, 23 tahun, lewat tahun lalu, berkata:

“Inilah tahun pertama saya meraikan Hari Raya bersama isteri. Tentunya rasa teruja dan berbeza sebab lebih banyak rumah sanak saudara yang akan dikunjungi.

“Tambahan pula, saya bakal memiliki amanah baru sebagai bapa sebab isteri saya kini hamil lima bulan. Mudah-mudahan, anak lelaki kami mampu diasuh menjadi pesilat berjiwa masyarakat suatu hari nanti.”

Laporan lain Muka 16



SHAKIR: Dengan Biasiswa Spex Shakir dapat fokus pada kerjaya silat secara sepenuh masa dan meluangkan masa memberi motivasi kepada pelajar.

ANUGERAH BELIA SINGAPURA 2015

'Misi hijau' pelajar NUS jaga alam sekitar diiktiraf

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

GOLONGAN belia mampu membantu dan menawarkan huraian yang dapat meringankan beban dunia berkenaan masalah sekitaran.

Jika mereka tidak kekok menyingsing lengan demi menggerakkan misi hijau di segenap pelosok Singapura, segala kesulitan dapat diatasi dengan mereka menikmati kehidupan bermutu yang didambakan.

Inilah yang menjadi amanah yang dijunjung secara serius oleh pergerakan mesra alam, Mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) Menentang Pencemaran Bumi (NUS Save)

yang ditubuhkan sejak 1992.

Matlamat utama ia dibentuk ialah meningkatkan kesedaran mahasiswa terhadap isu sekitaran.

Hasil komitmen 23 tahun badan pelajar ini dalam menjana kempen dan projek berterusan bagi memelihara sekitaran diiktiraf dengan Anugerah Belia Singapura 2015, semalam.

Anugerah ini disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, di Dewan Konsert Victoria.

Presiden Jawatankuasa Pengurusan ke-22 NUS Save, Cik Nur Aisha Mohammad Redzuwan, 22 tahun, berkata:

"Kemenangan ini bermakna bahawa belia sendiri berupaya

menyarankan dan melaksanakan perubahan demi memperbaiki sekitaran dan bumi yang dikongsi kita bersama.

"Bermacam kempen yang kami usahakan termasuk program mengitar semula pakaian dengan beberapa sudut asrama di NUS dijadikan tempat mahasiswa menyumbang pakaian terpakai mereka.

"Ada juga Kempen Kantin Hijau dengan kami menggalakkan mahasiswa dan kakitangan universiti agar membawa bekas makanan dan botol air mereka sendiri untuk diisi dengan makanan dan air yang dibeli di kantin.

"Mereka misalnya dapat kumpul pelekat dan diberi potongan harga bagi kunjungan selanjut-

nya."

Mahasiswa juga digalakkan bercucuk tanam di lapangan atau lokasi tertentu sekitar kampus manakala anggota NUS Save pula meninjau ruang belajar 24 jam yang ada bagi memastikan tenaga elektrik tidak terbuang.

Ditanya mengenai manfaat menyertai NUS Save, Cik Nur Aisha berkata:

"Sejak di sekolah menengah lagi, saya memang teruja dengan misi mesra alam bahkan terdorong mengambil Geografi serta bekerja dalam sektor sekitaran.

"Setiap usaha murni yang digerakkan adalah pendorong bagi saya menghargai bumi ciptaan Tuhan lantas lebih bersemangat memeliharanya."



PUPUK SEMANGAT MESRA ALAM: Presiden Jawatankuasa Pengurusan NUS Save, Cik Nur Aisha Mohammad Redzuwan (berdiri kiri) dan rakannya, Encik Ong Seng Peing (dua dari kiri) dan Encik Lim Tian Wen mendekati beberapa pekerja bagi menjelaskan manfaat membawa bekas makanan dan botol air sendiri setiap kali makan tengah hari di kantin. - Foto NUS SAVE